

17 MAR 1999

Mahathir-Lawat

DR MAHATHIR LAWAT JOHOR DUA HARI MULAI 25 MAC

JOHOR BAHRU, 17 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai aturcara ketat apabila melakukan lawatan rasmi dua hari ke Johor bermula 25 Mac.

Menurut aturcara yang dikeluarkan oleh Pejabat Menteri Besar hari ini, Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijadual tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail di Senai pukul 8.45 pagi.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno kemudian mengadakan perjumpaan dengan Badan Perhubungan Umno Negeri Johor di Bangunan Umno Johor.

Pada pukul 10.50 pagi, beliau akan menemui anggota-anggota jawatankuasa Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno Negeri serta ketua dan anggota jawatankuasa Umno bahagian termasuk Pemuda dan Wanita di Eden Garden Hotel di sini.

Selepas itu, Perdana Menteri akan menghadiri jamuan tengah hari bersama pemimpin-pemimpin Umno dan Barisan Nasional (BN) di hotel yang sama.

Pada pukul 3.30 petang itu, Dr Mahathir akan menghadiri majlis bersama rakyat di padang Sekolah Kebangsaan Felda Pengeli Timur, dekat Kota Tinggi manakala pada malamnya beliau akan menghadiri jamuan malam di Saujana, kediaman rasmi Menteri Besar Johor.

Pada pukul 9 pagi hari kedua lawatan itu, Dr Mahathir akan merasmikan projek perumahan kos rendah dan sederhana di Kota Masai, diikuti dengan perasmian pecah tanah tapak Kilang Titan di kawasan perindustrian Tanjung Langsat, dekat Pasir Gudang.

Perdana Menteri akan menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek Kampung Kopok Baru.

Dr Mahathir dijadual mengadakan persidangan media sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada pukul 3.45 petang.

-- BERNAMA

MKO NMO